



UUM
Universiti Utara Malaysia

GLUL 2023 Undang-undang Perniagaan

Semester Kedua (2019/2020)

Kumpulan R

Tugasan Individu

Tugasan Akhir (40%)

Disediakan Untuk

Pn. Najah Inani binti Abdul Jalil

Disediakan Oleh

Logitha Lakshmi A/P Thiagarajan (264038)

Tarikh serahan

6/7/2020

Soalan 1

Isu yang pertama, adakah Aaron membiarkan kepentingan peribadinya berlawanan dengan tugasnya? And isu kedua, bolehkah Mariappan menuntut keuntungan rahsia daripada Aaron?

Undang-undang yang berkaitan adalah seksyen 168 Akta Kontrak 1950. Seksyen ini menyatakan bahawa apabila seorang ejen dengan sendirinya menguruskan perniagaan agensi, tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan prinsipalnya dan menerangkan kepadanya keadaan material yang diketahuinya mengenai perniagaan, prinsipal itu boleh menolak transaksi itu, jika kes itu menunjukkan sama ada fakta material dengan tidak jujur telah disembunyikan dari pengetahuan oleh ejen itu, atau urusan niaga ejen itu tidak menguntungkannya. Selain itu, seksyen 171 Akta Kontrak 1950 juga berkaitan. Seksyen ini memperuntukkan ejen untuk membayar kepada prinsipalnya semua jumlah wang yang diterima atas akaun prinsipal.

Satu kes yang berkaitan adalah KES WONG MUN MAI LWN WONG THAM FATT & ANOR.(1987) yang menunjukkan bagaimana ejen telah membiarkan kepentingan prinsipalnya berlawanan dengan kepentingannya sendiri. Ejen tidak sepatutnya mengaut keuntungan dengan menggunakan kedudukannya sebagai ejen kepada prinsipal. Dalam kes ini, ejen telah gagal melaksanakan tugas-tugasnya terhadap prinsipal apabila ejen menjual tanah milik prinsipal di bawah harga pasaran semasa dan ejen tidak memberitahu prinsipal yang dia telah menjual tanah prinsipal kepada isterinya sendiri. Seorang prinsipal berhak untuk menuntut daripada ejen apa-apa faedah yang telah diperolehnya daripada transaksi yang dibuat oleh ejen yang gagal mematuhi arahannya.

Dalam situasi ini, adakah Aaron membiarkan kepentingan peribadinya berlawanan dengan tugasnya. Hal ini disokong dengan rujukan kepada seksyen di atas yang menjelaskan bahawa Aaron telah diminta oleh Mariappan untuk berunding secara sah bagi pihaknya dengan Tune Sdn Bhd. Urusan tersebut telah berjaya dirundingkan tetapi Mariappan mendapati bahawa Aaron telah menggunakan cara yang tidak sah dengan mendapatkan keuntungan rahsia melalui rundingan tersebut. Malahan disokong pula dengan kes yang telah diputuskan oleh mahkamah iaitu, kita dapat melihat bahawa Aaron telah menyalahgunakan kuasa yang diberi oleh Mariappan kepadanya dengan mengambil keuntungan rahsia tanpa pengetahuan Mariappan.

Bagi isu yang kedua, kita dapat mengetahui bahawa dalam menjalankan tugas agensinya, seseorang ejen tidak boleh mengambil sebarang untung rahsia seperti rasuah dalam bentuk pembayaran komisen secara sulit, duit kopi atau “kickback”, tips dan sebagainya. Satu kes yang berkaitan adalah TAN KIONG HWA LWN ANDREW S.H CHONG. Kes ini memutuskan bahawa plaintif telah membeli sebuah flat daripada sebuah syarikat di mana defendan merupakan pengarah urusannya. Plantif telah mengarahkan defendan sebagai ejen untuk menjual flat tersebut pada harga RM 45,000.00. Defendan telah berjaya menjualnya pada harga RM 54,000.00 dan keuntungan harga sebanyak RM 9,000.00 telah dikreditkan ke dalam akaun syarikat. Tidak lama kemudian syarikat tersebut digulung. Mahkamah memutuskan plaintif berhak menuntut RM 9,000.00 daripada defendan kerana dia telah mungkir dalam menjalankan tugasnya sebagai ejen.

Dalam situasi ini bolehkah Mariappan menuntut keuntungan rahsia daripada Aaron. Hal ini disokong dengan rujukan kepada seksyen di atas yang menjelaskan bahawa Aaron telah mendapatkan perjanjian tersebut secara tidak sah kerana dia telah menerima keuntungan secara rahsia daripada Tune Sdn.Bhd. Keuntungan rahsia yang diterima oleh Aaron telah diketahui oleh Mariappan dan beliau tidak bersetuju akan tindakan tersebut. Oleh itu, Mariappan mempunyai pilihan seperti prinsipal berhak untuk memecat ejen kerana melanggar kewajibannya. Prinsipal berhak memecat ejen sekiranya ejen telah menggunakan harta prinsipal untuk mengaut keuntungan daripada perniagaan agensi. Prinsipal mempunyai hak sedemikian kerana ejen telah gagal melaksanakan tugasnya seperti diamanahkan.

Kesimpulannya, bagi isu pertama Aaron telah membiarkan kepentingan peribadinya berlawanan dengan kewajiban yang diberi. Manakala bagi isu kedua, tindakan yang boleh diambil oleh Mariappan terhadap Aaron ialah beliau boleh memecat Aaron atas alasan Aaron telah melanggar kewajibannya dalam mendapatkan perjanjian secara sah.

Soalan 2

Isunya, adakah Alwi perlu mengganti rugi barang yang dipulangkan oleh pelanggan dengan alasan kualitinya rendah?

Undang-undang yang berkaitan adalah seksyen 16(1) Akta Jualan Barangan 1957. Seksyen ini memperuntukkan prinsip caveat emptor seseorang pembeli mestilah berhati-hati ketika membeli barang, sekiranya dia cuai dan tidak berhati-hati dalam pembelian, dia terpaksa menanggung segala kerugian untuk ketidaksesuaian atau kualiti barang yang dibelinya. Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana undang-undang lain tidak ada sebarang syarat atau waranti tersirat mengenai kualiti dan kelayakan bagi apa-apa maksud tertentu bagi barang di bawah suatu kontrak jualan kecuali pembeli secara nyata atau tersirat memberitahu maksud tertentu di mana pembeli bergantung pada kemahiran dan pertimbangan penjual, barang tersebut adalah daripada perihal dalam perjalanan urusan penjual untuk membekalkan dan barang tersebut bukan barangan tertentu di bawah suatu paten atau tanda niaga maka wujud syarat tersirat bahawa barang itu hendaklah secara munasabah layak untuk maksud tertentu.

Satu kes yang berkaitan adalah GRIFFITHS LWN PETER CONWAY RIMMER (1939) 1 All ER 685. Kes ini menyatakan bahawa seorang wanita telah membeli sehelai kot bulu kambing tanpa memberitahu penjual bahawa beliau alah kepada bulu kambing. Wanita tersebut mengalami alahan kulit. Mahkamah memutuskan bahawa seksyen (16) (1)(a) Akta Jualan Barangan 1957 tidak terpakai kerana wanita itu gagal memberitahu penjual bahawa dia alah kepada bulu kambing dan kot itu sesuai digunakan oleh seorang yang normal.

Dalam situasi ini, adakah pathut Alwi mengganti rugi pelanggannya itu. Hal ini disokong dengan rujukan kepada seksyen di atas yang menjelaskan bahawa pembeli dibenarkan dan diberi masa untuk melihat dan memeriksa keadaan barang-barang tersebut sebelum membuat bayaran tetapi pelanggan tersebut gagal memeriksa barang-barang yang dibelinya sebelum pembayaran. Malahan disokong pula dengan kes yang telah diputuskan oleh mahkamah iaitu, pelanggan tersebut terpaksa menanggung segala kerugian terhadap ketidaksesuaian atau kualiti barang rendah yang dibelinya.

Kesimpulannya, Alwi tidak perlu mengganti sama ada barang ataupun duit kerana pelanggan tersebut tidak berhak untuk memulangkan balik barang yang dibelinya atas alasan kualitinya rendah kerana menurut prinsip caveat emptor, sekiranya pelanggan cuai, maka pelanggan terpaksa menanggung kerugian yang dialaminya.

Soalan 3

Isunya, sama ada Malik berhak menuntut Pawana Finance Berhad (PFB) menyelesaikan pembayaran saman atas lori ataupun tidak?

Undang-undang yang berkaitan adalah seksyen 7(1) (c) Akta Sewa Beli 1967. Seksyen ini memperuntukkan bahawa barangan yang dijual secara sewa beli hendaklah mempunyai waranti tersirat bahawa barangan itu bebas daripada apa-apa gadaian atau bebanan daripada pihak ketiga pada masa harta dilepaskan.

Satu kes yang berkaitan adalah STEINKE LWN EDWARDS (Unreported, Local Court of Adelaide, SD Ronald SM, 1935). Kes ini memutuskan bahawa plantif telah membeli sebuah kereta daripada defendan dan didapati cukai untuk kereta itu tidak dibayar oleh defendan. Plantif membayar cukai itu dan kemudiannya menuntut daripada defendan. Mahkamah memutuskan bahawa plaintif berhak menuntut kerana defendan telah memungkirkan waranti tersirat bahawa kereta yang dijual hendaklah bebas daripada apa-apa gadaian atau bebanan.

Dalam situasi ini adakah Malik berhak menuntut Pawana Finance Berhad (PFB) menyelesaikan pembayaran saman. Semasa Malik ingin memperbaharui cukai jalan lori tersebut pada tahun 2019, Jabatan Pengangkutan Jalan memaklumkan bahawa terdapat tiga saman yang dikeluarkan pada tahun 2017 terhadap lori itu yang masih belum dijelaskan. Malik telah diarahkan untuk membayar jumlah saman tertunggak ini sebelum beliau dibenarkan untuk memperbaharui cukai jalan lori tersebut. Lori tersebut dibeli oleh Malik pada tahun 2018, apabila Malik menyuruh PFB untuk membayar saman tetapi mereka enggan membayarnya. Hal ini disokong dengan rujukan kepada seksyen di atas yang menjelaskan bahawa, PFB perlu bertanggungjawab atas saman tersebut dan PFB perlu memastikan lori tersebut bebas daripada gadaian atau bebanan sebelum memberikan kepada Malik.

Kesimpulannya, PFB perlu bertanggungjawab atas saman tersebut dan PFB perlu memastikan lori tersebut bebas daripada apa-apa bentuk gadaian atau bebanan sebelum memberikan kepada Malik. Oleh itu, Malik berhak untuk menuntut PFB bagi menyelesaikan pembayaran tiga saman di atas lori tersebut.

Soalan 4 (i)

Isunya adakah Robinson berhak untuk menuntut wangnya kembali?

Undang-undang yang berkaitan adalah seksyen 17 Akta Bil Pertukaran 1949. Seksyen ini menyatakan bahawa penerimaan bil adalah satu pernyataan kesediaan pesuruh bayar untuk patuh kepada arahan penyuruh bayar. Untuk mendapatkan bayaran, bil perlu dipersembahkan atau diberikan kepada pesuruh bayar. Jika pesuruh bayar bersetuju menerima bil itu, dia perlu menurunkan tandatangan ke atas bil tersebut bersama dengan perkataan diterima. Tanpa perkataan diterima, bil itu tidak sah dan tidak boleh diniagakan seterusnya. Persembahan ini penting bagi mengetahui sama ada pensuruh bayar bersedia mematuhi perintah bayar sebagaimana yang diarahkan oleh pesuruh bayar dan ia juga akan memberikan jaminan kepada pemegang bil bahawa bil itu akan disempurnakan bayarannya.

Satu kes yang berkaitan adalah BALFOUR WILLIAMSON (S) PTE. LTD. LWN GOLDEN LADY (M) SDN. BHD (1984). Kes ini memutuskan bahawa di mana 17 keping bil berjumlah RM872,000.00 telah dikeluarkan oleh plantif, kemudian diterima dan diendors oleh defendan. Mahkamah mengatakan penerima bil akan bertanggungjawab terhadap bil itu.

Dalam situasi ini adakah Robinson berhak untuk menuntut wangnya kembali, hal ini disokong dengan rujukan kepada seksyen di atas yang menjelaskan bahawa selepas menerima satu bil pertukaran, Robinson menurunkan tandatangannya dan menulis perkataan “diterima” atas bil tersebut. Namun, selepas pembayaran dibuat dari akaunnya, Robinson menafikan tanggungjawabnya untuk membuat bayaran dan menuntut wangnya kembali dan disokong pula dengan kes yang telah diputuskan oleh mahkamah iaitu, Robinson tidak boleh menuntut wangnya kembali kerana dia menurunkan tandatangannya dan menulis perkataan “diterima.

Kesimpulannya, Robinson sudah terima dan bersetuju, dia tidak boleh menuntut wangnya kembali kerana dia menurunkan tandatangan dan menulis perkataan “diterima”. Dia haruslah bertanggungjawab untuk membuat bayaran.

Soalan 4 (ii)

Isunya ialah bolehkan “rubber stamp” digunakan sebagai pengganti tandatangan Mark yang sah atau tidak?

Setiap bil yang dikeluarkan perlu ditandatangani. Selagi bil tidak ditandatangani, maka ia tidak akan dianggap sah kerana tidak ada pihak yang akan bertanggung ke atas bil itu. Undang-undang yang berkaitan adalah seksyen 3 Akta Pentafsiran 1967. Seksyen ini menyatakan tandatangan termasuk suatu tanda atau menurunkan suatu cap jari.

Satu kes yang berkaitan adalah LAZARUS ESTATES LTD. LWN BEASLEY (1956) 1 QB 702, mahkamah memutuskan tandatangan individu boleh dalam bentuk “rubber stamp” atau cap di mana di dalamnya tertera tandatangan pengeluar bil.

Dalam situasi ini bolehkan “rubber stamp” menggantikan tandatangan dan adakah itu sah, hal ini disokong dengan rujukan kepada seksyen di atas yang menjelaskan bahawa Mark mengalami kecacatan pada ibu jarinya ketika kemalangan jalanraya. Untuk mengesahkan bil pertukaran syarikatnya, dia boleh menggunakan “rubber stamp” untuk menggantikan tandatangannya dan disokong pula dengan kes yang telah diputuskan oleh mahkamah iaitu, tandatangan tersebut adalah sah dari sesi undang-undang dan tindakan Mark menggantikan tandatangan dengan rubber stamp adalah sah.

Kesimpulannya, tindakan yang diambil oleh Mark untuk menggunakan “rubber stamp” menggantikan tandatangan dalam pengesahan bil pertukaran syarikat adalah sah.